



# MINGGU KESEMBILAN

## WAJIB HAJI: LARANGAN IHRAM DAN DAM

9

# CARTA ALIRAN PEKERJAAN HAJI

## RUKUN HAJI

1 Niat Ihram Haji

4 Wuquf

10 Tawaf

11 Sa'ie

7 Bergunting/Bercukur

12 Tertib Pada Kebanyakan Rukun

## WAJIB HAJI

2 Niat Di Miqat

3 Larangan Ihram

5 Bermalam (Mabit) Di Muzdalifah

6 Melontar Jamrah Kubra Pada 10 Zuhijjah

8 Bermalam (Mabit) Di Mina 11,12,13 Zulhijjah

9 Melontar Ketiga-tiga Jamrah Pada 11,12,13 Zulhijjah

# LARANGAN DALAM MASA IHRAM

1 Memakai Pakaian Bersarung Atau Berjahit Dan Bercantum (Lelaki)

2 Menutup Kepala Atau Sebahagian Daripadanya

3 Menutup Muka (Wanita)

4 Memakai Sarung Tangan (Lelaki & Wanita)

5 Memakai Bau-bauan Sama Ada Di Badan, Pakaian, Makanan Minuman Atau Menghidunya Ke Dalam Hidung

6 Memakai Minyak Di Kepala Atau Janggut Dan Selain Daripada Yang Tumbuh Di Ipipi & Dahi

7 Menanggalkan Rambut Atau Bulu

8 Mengerat Atau Memotong Kuku

9 Menebang/Memotong/Mencabut Pokok-pokok Di Tanah Haram

10 Memburu Binatang Buruan

11 Berkahwin/Mengahwinkan/Menerima Wakil Kahwin

12 Melakukan Pendahuluan Persetubuhan

13 Melakukan Persetubuhan

# LARANGAN DALAM IHRAM

## JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM

1

**PAKAIAN**

الملابس

2

**BERWANGI  
-WANGIAN**

التطيب

3

**KECANTIKAN**

الجمال

4

**ALAM SEKITAR**

البيئة

5

**HUBUNGAN  
JANTINA**

العلاقة الجنسية

# JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM

1

## PAKAIAN

الملابس

1. Memakai Pakaian Bersarung Atau Berjahit Dan Bercantum (Lelaki).
2. Menutup Kepala Atau Sebahagian Daripadanya (Lelaki).
3. Menutup Muka (Wanita).
4. Memakai Sarung Tangan (Lelaki/Wanita).


# JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM



**X**

Pemakaian kain telekung yang menutup muka/dahi dan dagu begitu juga yang seumpamanya seperti ubat tampal/lekat di kawasan muka/dahi dalam keadaan yang besar saiz adalah tidak dibolehkan

**Sekiranya ubat tampalan/lekat yang bersaiz kecil adalah dibolehkan (wanita sahaja)**



**X**





Pemakaian cermin mata yang terlalu besar sehingga cermin mata dan bingkai melekap pada pipi dan menutup sebahagian muka (wanita sahaja)

**X**



Pemakaian sarung tangan yang menutup semua jari jemari dan tapak tangan (wanita dan lelaki)

# YANG DIBOLEHKAN SEMASA BERIHRAM





# JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM



**X**



**X**

Pemakaian payung secara menyarung getah /alat pelekap masuk dikepala. Dikira sebagai menyarung dan menutup sebahagian kepala Begitu juga yang seumpamanya seperti lampu suluh yang di guna dengan cara menyarung dikepala.



**Jika kaedah pemakaian secara lilitan/tali lilitan bersaiz kecil adalah dibenarkan (lelaki sahaja)**



**X**



## YANG DIBOLEHKAN SEMASA BERIHRAM



**SELIPAR ATAU SANDAL YANG DIPAKAI  
HENDAKLAH MENAMPAKKAN KELIMA-LIMA  
HUJUNG ANAK JARI JEMARI KAKI DAN TUMIT  
(LELAKI SAHAJA)**

# JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM

2

**BERWANGI  
-WANGIAN**



**5. Memakai Bau-bauan  
Sama Ada Di Badan,  
Pakaian, Atau Menghisapnya  
Ke Dalam Hidung (Lelaki/Wanita).**

التطيب

# JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM

3

## KECANTIKAN

الجمال

7. Menanggalkan Rambut Atau Bulu Dari Mana-mana Anggota Badan (Lelaki/Wanita).

6. Memakai Minyak Di Kepala Atau Janggut Dan Semua Bulu Muka Selain Daripada Tumbuhan Di Pipi Dan Di Dahi (Lelaki/Wanita).

8. Mengerat Atau Memotong Kuku (Lelaki/Wanita).

# JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM

4

## ALAM SEKITAR

البيئة

9. MEMOTONG/MENEBAK/MENGERAT  
ATAU MENCABUT POKOK  
DI TANAH HARAM (Lelaki/Wanita).

10. MEMBURU BINATANG BURUAN  
YANG HALAL DIMAKAN ATAU  
MEMBINASAKANNYA DI TANAH  
HARAM ATAU DI TANAH HALAL  
(Lelaki/Wanita).

# PERHATIAN

## MEMOTONG/MENEBAANG/MENGERAT ATAU MENCABUT POKOK

Jemaah Haji **sama ada dalam ihram atau tidak dalam ihram** yang memotong/ menebang/mengerat atau mencabut pokok di **Tanah Haram** (Makkah, Mina dan Muzdalifah) **dikenakan dam.**

Jemaah Haji **dalam ihram tidak dikenakan dam** jika memotong/ menebang/ mengerat atau mencabut pokok **di Tanah Halal** seperti Arafah.

## MEMBURU BINATANG BURUAN YANG HALAL DIMAKAN ATAU MEMBINASAKANNYA

Jemaah Haji **sama ada dalam ihram atau tidak dalam ihram** yang memburu binatang buruan yang halal dimakan atau membinasakannya **di Tanah Haram** (Makkah, Mina dan Muzdalifah) **dikenakan dam.**

Jemaah Haji **dalam ihram tetap dikenakan dam** jika memburu binatang buruan yang halal dimakan atau membinasakannya **di Tanah Halal.**

# JENIS LARANGAN SEMASA IHRAM

5

## HUBUNGAN JANTINA

العلاقة الجنسية

11. Melakukan Pendahuluan Persetubuhan (Lelaki/Wanita).

12. Bersetubuh/Berjimak (Lelaki/Wanita).

13. Berkahwin/Mengahwinkan/  
Menerima Wakil Kahwin  
(Lelaki/Wanita).



# PERHATIAN

## PENDAHULUAN PERSETUBUHAN

Persentuhan dengan sengaja **tanpa berlapik (*mubasyarah*)** antara lelaki dan wanita yang menimbulkan syahwat ketika berihram sama ada inzal atau pun tidak, kedua-duanya berdosa dan dikenakan *Dam Takhyir* ke atas lelaki sahaja.

Persentuhan secara **berlapik (*ghair mubasyarah*)** antara lelaki dan wanita semasa berihram dan bersyahwat adalah berdosa tetapi tidak dikenakan dam walaupun inzal (keluar mani).

Jemaah haji wanita sesama wanita atau lelaki sesama lelaki yang berada dalam keadaan berihram dan bersentuhan tanpa berlapik dalam keadaan syahwat adalah berdosa dan dikenakan dam sama ada inzal atau tidak inzal.

# **TARAFFUH DAN ITLAF**

## **TARAFFUH**

Bererti perkara kebiasaan, kesukaan, kegemaran dan keseronokan bagi seseorang (pakaian, berwangi-wangian dan hubungan jantina)

Jika dilakukan **dengan sengaja dikenakan dam**. Sekiranya **dengan lupa atau tak sengaja tidak dikenakan dam**

## **ITLAF**

Bererti perkara-perkara yang **jika dilakukan boleh menyebabkan perkara itu menjadikan rosak atau binasa atau bercerai tanggal**. (Kecantikan – rambut/kuku atau bulu dan alam sekitar)

Jika dilakukan **dengan sengaja (berdosa) atau jahil atau tidak sengaja (tidak berdosa) tetapi tetap dikenakan dam**

# LARANGAN DALAM IHRAM YANG DILAKUKAN TIDAK SENGAJA

## JENIS TARAFFUH

(BERSERONOK / BERSENANG /  
BERSEDAP-SEDAP)

- |                                 |     |
|---------------------------------|-----|
| 1. Menutup Kepala               | L   |
| 2. Pakaian Bersarung            | L   |
| 3. Menutup Muka                 | W   |
| 4. Sarung Tangan                | L/W |
| 5. Bau-bauan                    | L/W |
| 6. Minyak Di Kepala Dan Janggut | L/W |
| 7. Jimak                        | L/W |
| 8. Mukadimah Jimak              | L/W |
| 9. Akad Nikah                   |     |

**Sekiranya Tidak Sengaja, Tidak  
Kena Dam Dan Tidak Berdosa**

## JENIS ITLAF

(MENGGUGUR / MENGHILANG /  
MEROSAK / MEMBINASA)

1. Rambut Atau Bulu Di Badan
2. Kuku
3. Binatang Buruan
4. Pokok Atau Tumbuh-tumbuhan

**Kena Dam Tetapi  
Tidak Berdosa Walaupun  
Tidak Sengaja (Beza Dengan  
Tabiat Atau Sifat Semulajadi)**

# DAM

## BAHASA - DARAH

### PENGERTIAN

SYARA' - IBADAT GANTIAN YANG MERUPAKAN BINATANG AL-AN'AM YANG DISEMBELIH SEPERTI UNTA, LEMBU, KAMBING/KIBASY ATAU GANTINYA DARIPADA MAKANAN DI TANAH HARAM ATAU PUASA YANG DIKENAKAN KE ATAS MEREKA YANG MENUNAIKAN HAJI ATAU UMRAH DI ATAS SEBAB-SEBAB TERTENTU.

\* Kadar Secupak = SR 5.00 (mula digunakan pada musim haji 1432H)



# SEBAB DIWAJIBKAN DAM

## SEPERTI BERIKUT

Melakukan perkara-perkara yang di larang dalam masa berihram (larangan dalam ihram)

Meninggalkan wajib haji dan umrah

Membuat Haji Tamattu' atau Qiran (menurut syarat-syarat yang wajib di bayar dam)

Luput wuquf di Arafah setelah berniat ihram

Meninggalkan Tawaf Wada' tanpa uzur syari'e

Berlaku ihsar bagi orang yang telah berniat ihram (terhalang daripada menyempurnakan wuquf di arafah, tawaf atau sa'ie dengan sebab ketakutan daripada musuh, penyakit dan sebagainya)

Melanggar nazar semasa mengerjakan haji

# DAM *TERTIB DAN TAQDIR*

**TERTIB: MELAKUKAN SATU DAM YANG DITETAPKAN MENGIKUT SUSUNAN, JIKA TAK MAMPU, LAKUKAN DAM BERIKUTNYA YANG DITETAPKAN.**

**TAQDIR: KADAR DAM YANG TELAH DITETAPKAN OLEH SYARA'**

## SEBAB DI KENAKAN DAM

1. *Ihram Tammattu'* (dengan syaratnya)
2. *Ihram Qiran* (syaratnya )
3. Tidak berihram di miqat
4. Luput wuquf di Arafah
5. Tidak melontar jamrah
6. Tidak bermalam di Mina (dgn syarat-syaratnya)
7. Tidak mabit di Muzdalifah (dgn syaratnya)
8. Meninggalkan Tawaf Wada'
9. Melanggar nazar dalam mengerjakan haji

## DAM YANG DI KENAKAN

**MENYEMBELIH SEEKOR KIBAS/  
KAMBING/ 1 PER 7 DARIPADA  
LEMBU/UNTA**

**JIKA TIDAK BERKUASA**

**HENDAKLAH BERPUASA 10 HARI: TIGA (3)  
HARI DI MASA IHRAM HAJI DAN TUJUH (7)  
HARI APABILA IA BALIK KE TEMPATNYA**

**JIKA TIDAK BERUPAYA DENGAN SEBAB  
TUA**

**HENDAKLAH DIKELUARKAN 10 CUPAK  
MAKANAN ASASI (SEPULUH CUPAK)**

**JIKA TIDAK BERDAYA JUGA**

**TERTANGGUNGLAH DI ATAS  
ZIMMAHNYA**



# DAM *TERTIB DAN TA'DIL*

**TERTIB: MELAKUKAN SATU DAM YANG DITETAPKAN MENGIKUT SUSUNAN, JIKA TAK MAMPU, LAKUKAN DAM BERIKUTNYA YANG DITETAPKAN TA'DIL BERERTI APABILA SESEORANG TIDAK BERKUASA MENGELUARKAN MAKANAN HENDAKLAH DIGANTI DENGAN BERPUASA**

## SEBAB DIKENAKAN DAM

**Persetubuhan yang merosakan haji, iaitu persetubuhan yang dilakukan sebelum tahallul awwal atau sebelum selesai kerja-kerja umrah.  
Haji perlu di qada tahun berikutnya begitu juga qada' umrah.**

## DAM YANG DIKENAKAN

### DAM YANG DIKENAKAN

**MENYEMBELIH SEEKOR UNTA (SUAMI SAHAJA)**

**JIKA TIDAK BERKUASA**

**MENYEMBELIH SEEKOR LEMBU (SUAMI SAHAJA)**

**JIKA TIDAK BERKUASA**

**DIGANTIKAN DENGAN 7 EKOR KAMBING (SUAMI SAHAJA)**

**JIKA TIDAK BERKUASA**

**HENDAKLAH MEMBELI MAKANAN DENGAN NILAI SEEKOR UNTA DAN DIBAHAGIKAN KEPADA FAKIR MISKIN DI TANAH HARAM (SUAMI SAHAJA)**

**JIKA TIDAK BERKUASA**

**HENDAKLAH BERPUASA BEBERAPA HARI SEBANYAK BILANGAN CUPAK MAKANAN YANG DAPAT DIBELI DENGAN NILAI SEEKOR UNTA (SUAMI SAHAJA)**

# DAM TAKHYIR DAN TAQDIR

TAKHYIR BERERTI BOLEH DIPILIH SATU DARIPADA PERKARA – PERKARA YANG DITETAPKAN.  
TAQDIR: KADAR DAM YANG TELAH DITETAPKAN OLEH SYARA

## SEBAB DIKENAKAN DAM

1. Membuang/mencabut/  
mengunting 3 helai dan lebih  
rambut/bulu dari mana-mana  
anggota badan
2. Memakai pakaian bersarung /  
berjahit (lelaki)
3. Memotong / menanggalkan /  
membinasakan kuku
4. Memakai wangi-wangian samada  
di badan, pakaian, makan dan  
minuman atau menghisapnya ke  
dalam hidung
5. Menutup muka atau sebahagian  
daripadanya (wanita)
6. Menutup kepala atau sebahagian  
daripadanya (lelaki)
7. Memakai sarung tangan (lelaki/  
wanita)

## DAM YANG DI KENAKAN

MENYEMBELIH SEEKOR KIBAS /  
KAMBING

ATAU

BERSEDEKAH KEPADA 6 ORANG  
FAKIR MISKIN SEBANYAK 2 CUPAK  
MAKANAN TIAP-TIAP SEORANG

ATAU

BERPUASA 3 HARI

NOTA : PERKARA 8 HINGGA 11  
BERSAMBUNG KE SLIDES 22

# **DAM TAKHYIR DAN TAQDIR**

**8. Memakai minyak di kepala/janggut/semua bulu muka selain daripada bulu yang tumbuh di pipi dan dahi**

**9. Melakukan perkara permulaan persetubuhan (dam lelaki shj)**

**10. Melakukan persetubuhan selepas selesai tahallul awwal tetapi belum selesai tahallul kedua (dam lelaki sahaja)**

**11. Melakukan persetubuhan selepas persetubuhan yang merosakkan haji (dam lelaki shj)**

# DAM TAKHYIR DAN TA'DIL

TAKHYIR BERERTI BOLEH DIPILIH SATU DARIPADA PERKARA – PERKARA YANG DITETAPKAN. TA'DIL BERERTI APABILA SESEORANG TIDAK BERKUASA MENGELUARKAN MAKANAN HENDAKLAH DIGANTI DENGAN BERPUASA

## SEBAB DIKENAKAN DAM

1. Memburu binatang yang halal di makan atau membinasakannya di tanah haram/halal semasa dalam ihram
2. Memburu binatang yang halal di makan atau membinasakannya di tanah haram makkah semasa tidak berihram

*\*(Belalang adalah binatang buruan.)*

## ATAU

Memotong, menebang  
Atau mencabut pokok di  
Tanah haram makkah  
(kecuali pokok mati )

DAM  
YANG  
DIKENAKAN

MENYEMBELIH BINATANG MENGIKUT BANDINGAN BINATANG YANG DIBURU, JIKA RUSA BANDINGANNYA LEMBU, JIKA KIJANG BANDINGANNYA KAMBING

ATAU

MEMBELI MAKANAN DENGAN NILAI HARGA BINATANG BANDINGAN DAN DIBAHAGIKAN KEPADA FAKIR DAN MISKIN DI MAKKAH

ATAU

HENDAKLAH BERPUASA BEBERAPA HARI SEBANYAK BILANGAN CUPAK MAKANAN YANG DAPAT DIBELI DENGAN HARGA NILAINYA IAITU SATU CUPAK SATU HARI

DAM  
YANG  
DIKENAKAN

SAMA SEPERTI DI ATAS IAITU MENGIKUT BANDINGAN POKOK YANG DIPOTONG / DITEBANG / DICABUT JIKA POKOK BESAR BANDINGANNYA LEMBU, JIKA KECIK BANDINGANNYA KAMBING

ATAU

MAKA DAMNYA SAMA SEPERTI PERATURAN DAM MEMBURU BINATANG BURUAN, IAITU KENA MEMBELI MAKANAN ATAU BERPUASA

# LARANGAN DALAM IHRAM YANG DILAKUKAN TIDAK SENGAJA

## JENIS TARAFFUH

(BERSERONOK / BERSENANG /  
BERSEDAP-SEDAP)

- |                                 |     |
|---------------------------------|-----|
| 1. Menutup Kepala               | L   |
| 2. Pakaian Bersarung            | L   |
| 3. Menutup Muka                 | W   |
| 4. Sarung Tangan                | L/W |
| 5. Bau-bauan                    | L/W |
| 6. Minyak Di Kepala Dan Janggut | L/W |
| 7. Jimak                        | L/W |
| 8. Mukadimah Jimak              | L/W |
| 9. Akad Nikah                   |     |

**Sekiranya Tidak Sengaja, Tidak  
Kena Dam Dan Tidak Berdosa**

## JENIS ITLAF

(MENGGUGUR / MENGHILANG /  
MEROSAK / MEMBINASA)

1. Rambut Atau Bulu Di Badan
2. Kuku
3. Binatang Buruan
4. Pokok Atau Tumbuh-tumbuhan

**Kena Dam Tetapi  
Tidak Berdosa Walaupun  
Tidak Sengaja (Beza Dengan  
Tabiat Atau Sifat Semulajadi)**

# DAM IHSAR

**DAM UNTUK MELEPASKAN DIRI DARIPADA LARANGAN IHRAM BAGI SESEORANG YANG SUDAH BERNIAT IHRAM TETAPI TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN RUKUN HAJINYA ATAU RUKUN UMRAHNYA ATAU KEDUA - DUANYA**

## SEBAB DIKENAKAN DAM

Tertahan/Ditahan  
Oleh Musuh  
Dalam Perjalanan  
Atau Terkepung /  
Berpenyakit  
Tidak Dapat  
Masuk Ke Makkah  
Sedangkan Ia  
Sudah Berihram

**DAM  
YANG  
DIKENAKAN**

## DAM YANG DIKENAKAN

**MENYEMBELIH SEEKOR KAMBING &  
BERCUKUR/ BERGUNTING**

**JIKA TIDAK BERKUASA**

**HENDAKLAH MEMBELI MAKANAN DENGAN NILAI  
SEEKOR KAMBING DAN DIBAHAGIKAN KEPADA  
FAKIR MISKIN DI TEMPAT TAHALLUL ITU**

**JIKA TIDAK BERKUASA**

**HENDAKLAH BERPUASA BEBERAPA HARI  
SEBANYAK BILANGAN CUPAK MAKANAN YANG  
DAPAT DIBELI DENGAN NILAI SEEKOR KAMBING**

## SEBAB – SEBAB LAIN

**Dam Ihsar Juga Boleh Dipakai Untuk Menyelesaikan Masalah Wanita Yang Datang Haid Dan Tidak Dapat Melakukan Tawaf Haji/Umrah Kerana Terpaksa Balik Segera Ke Tanah Air. Begitu Juga Pesakit Yang Berpenyakit Berat Yang Terpaksa Dihantar Balik Ke Malaysia Untuk Rawatan Lanjut (Kedua – Dua Golongan Ini Haji/Umrahnya Belum Selesai). Apabila Wanita Itu Telah Suci Dan Mandi Hadath Besar, Begitu Juga Pesakit Berat Telah Sembuh Dari Penyakitnya, Hendaklah Pergi Lagi Ke Tanah Suci Makkah Menyelesaikan Haji/Umrahnya Yang Belum Selesai (HANYA BAGI HAJI DAN UMRAH WAJIB- PERTAMA KALI)**



# Cara Melaksanakan Dam Ihsar

**SETELAH KELUAR DARI MAKKAH DUA (2) MARHALAH ATAU (91kilometer) ATAU LEBIH  
Atau Setelah Sampai Ke Tanah Air Hendaklah :**

- 1. Menyembelih Seekor Kambing Dan Bercukur Atau Bergunting Dengan Niat Tahallul, Dan Daging Sembelihan Itu Dibahagikan Kepada Fakir Miskin Tempatan**
- 2. Jika Tidak Mampu Hendaklah Membeli Makanan Dengan Nilai Seekor Kambing Dan Bercukur Atau Bergunting Dengan Niat Tahallul, Dan Makanan Itu Dibahagikan Kepada Fakir Miskin Tempatan**
- 3. Jika Tidak Mampu Juga Hendaklah Berpuasa Beberapa Hari Sebanyak Bilangan Cupak Makanan Yang Dapat Dibeli Dengan Nilai Seekor Kambing ( 1 Cupak = 1 Hari ) Dan Bercukur Atau Bergunting Dengan Niat Tahallul.**

**Dengan Berpuasa Dan Bercukur Atau Bergunting Dengan Niat Tahallul Ihsar Itu, Maka Terhasillah Tahallulnya Sekalipun Bilangan Hari Puasanya Belum Selesai.**

# Contoh Niat Tahallul Ihsar

1

Aku Menyembelih Kambing Ini Sebagai Dam Ihsar Untuk Tahallul *Nusuk*Ku Atau

2

Aku Bercukur Atau Bergunting Bagi Tahallul *Nusuk*Ku (Haji/Umrah) Atau

3

Aku Bersedekah Makanan Sebagai Ganti Menyembelih Kambing Dam Ihsar Untuk Tahallul *Nusuk*Ku (Haji/Umrah) Atau

4

Aku Puasa Esok Hari Sebagai Ganti Menyembelih Kambing Dam Ihsar Untuk Tahallul *Nusuk*Ku (Haji/Umrah)

## **PERHATIAN**

**SEKIRANYA PELAKSANAAN UMRAH SUNAT (KALI KEDUA DAN SETERUSNYA) ATAU HAJI SUNAT (KALI KEDUA DAN SETERUSNYA) YANG TIDAK DAPAT DISEMPURNAKAN RUKUN KERANA HALANGAN**

**MEMADAI DENGAN MELAKSANAKAN TAHALLUL IHSAR UNTUK BEBASKAN DIRI DARI LARANGAN IHRAM**

**MAKA JEMAAH TIDAK PERLU KE TANAH SUCI SEMULA UNTUK MENYEMPURNAKAN IBADAT UMRAH SUNAT ATAU HAJI SUNAT YANG BELUM SEMPURNA TERSEBUT**

**MEMADAI DENGAN TAHALLUL IHSAR DAN BEBAS DARI SEMUA LARANGAN IHRAM**

# WASSALAM

*Semoga semua bakal jemaah haji yang dikasihi diberikan oleh Allah SWT kesabaran dan ketenangan serta didoakan mendapat sebaik-baik ganjaran*

**HAJI YANG MABRUR  
DAN UMRAH YANG  
MAQBUL**

